

Mekanisme subsidi petrol diumum dua minggu lagi

Pelaksanaan program disasar golongan B40 tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@NSTP.com.my

Putrajaya: Mekanisme pelaksanaan program subsidi petrol berdasar kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) akan diumumkan dua minggu lagi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pelaksanaannya tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri.

"Ia di penghujungnya. Cuma kita hendak memperhalusi beberapa perkara. Kalau semua berjalan mengikut jadual, apa-apa pengumuman tentangnya akan saya cuba buat dalam dua minggu terdekat ini."

"Itupun tertakluk kepada apa-apa keputusan dan nasihat Jemaah Menteri," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan kementeriannya di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas pelaksanaan subsidi petrol bersasar berkenaan.

Sebelum ini, Saifuddin dipetik



Saifuddin Nasution (dua dari kanan) menunjukkan buku undang-undang KPDNHEP pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPDNHEP di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

berkata, beliau berpuas hati dengan tahap penyediaan kertas kerja Program Subsidi Petrol bersasar yang dijanjikan kepada golongan B40.

Terdahulu, beliau menyaksikan dua majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) iaitu di antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan Prestomall bagi kerjasama memperkasa e-dagang.

Satu lagi MoU di antara Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Universiti Putra Mala-

ysia (UPM) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi kerjasama perkongsian kepakanan dan latihan amali.

Dalam pada itu, Saifuddin Nasution berkata, kerajaan bersedia mempelajari model digunakan Taiwan dan Turki dalam menangani masalah kekurangan bekalan makanan dan membendung kenaikan harga barang.

Beliau berkata, Taiwan biarpun sering dilanda taufan, namun jarang menghadapi masalah

terputus bekalan makanan, manakala di Turki kerajaan negara itu mengamalkan campur tangan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam aspek kawalan barang dan kaedah itu berjaya menangani isu kenaikan harga.

"Saya sudah mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha kementerian (Datuk Muez Abd Aziz) dan kita akan hantar pegawai terbaik ke kedua-dua negara ini bagi melihat dan mempelajari model digunakan negara berkenaan," katanya.